

Jangan terpedaya kenyataan Lee Kuan Yew

UM - 27/9/2006

JOHOR BAHRU 26 Sept. - Rakyat Malaysia tidak perlu terpedaya dengan kenyataan Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew yang boleh menggugat ketenteraman penduduk berbilang kaum di negara ini.

Parti-parti politik termasuk MCA dan MIC juga dinasihatkan tidak 'masuk perangkap' kritikan Kuan Yew yang langsung tidak berasas.

Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Tionghua Johor (DPPTJ), Datuk Soh Poh Sheng berkata, sebagai ahli politik veteran, Kuan Yew tidak sepatutnya mengeluarkan kenyataan sedemikian.

Beliau berkata, tindakan beliau itu seperti mempunyai kepentingan yang tersembunyi dan mahu mencampuri urusan negara jiran atau seolah-olah 'mahu menjaga tepi kain orang lain.'

Tegas beliau, Kuan Yew juga seolah-olah seronok jika melihat rakyat Malaysia berbilang kaum bergaduh semasa sendiri.

"Beliau sepatutnya cermin diri sendiri, apakah rakyat Singapura bebas untuk mengeluarkan pendapat seperti mana rakyat Malaysia bebas mengeluarkan pendapat mereka?" katanya.

Beliau berkata demikian kepada *Utusan Malaysia* ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Kuan Yew bahawa rakyat Cina di Malaysia dan Indonesia dipinggirkan secara sistematik.

Beliau berkata, akhir-akhir ini didapati semua peringkat ahli politik seolah-olah bebas untuk bercakap termasuk soal-soal sensitif hingga orang luar mungkin mengangap kita sedang berbalah semasa sendiri.

"Keadaan ini akan membuka peluang kepada orang luar seperti Kuan Yew membuat andaian yang bukan-bukan dan mengganggu keadaan yang sebenarnya tidak berlaku termasuk tuduhan diskriminasi terhadap kaum Cina," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Pengusaha Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Johor Selatan, Teh Kee Sin pula kecewa dengan kenyataan Kuan Yew yang dianggapnya boleh menjejaskan hubungan baik antara rakyat Malaysia dan Singapura khususnya di Johor Bahru.

Beliau berkata, sebagai usahawan, ahli perniagaan dan pemain di bidang industri, kenyataan bekas Perdana Menteri Singapura itu boleh membuat mereka berasa tertekan kerana ia boleh menjejaskan pelaburan.

Katanya, sektor peruncitan, perkhidmatan, pelancongan dan industri sangat memerlukan kehadiran rakyat Singapura kerana mereka adalah pelabur terbesar ke Johor Bahru setakat ini.

"Kami tidak berminat untuk mengetahui atau campur tangan jika mungkin berlaku sebarang pergeseran antara Kerajaan Pusat dan Singapura.

"Sebagai masyarakat pedagang, peniaga dan industri kami mahu sentiasa berbaik-baik dengan jiran dan saling bergan-

ding bahu agar perniagaan sentiasa berjalan lancar," katanya.

Menurut Kee Sin, beliau yakin pelabur IKS Singapura juga tidak senang dengan kenyataan Kuan Yew tersebut kerana Johor Bahru merupakan lokasi pelaburan terbaik berbanding Batam, Hanoi atau China kerana mereka dapat datang dan balik setiap hari dari sini.

Beliau juga berasa sedih kerana kenyataan sedemikian seolah-olah menidakkan hubungan baik yang sedia terjalin antara

Beliau sepatutnya cermin diri sendiri, apakah rakyat Singapura bebas untuk mengeluarkan pendapat seperti mana rakyat Malaysia bebas mengeluarkan pendapat mereka

SOH POH SHENG
Presiden Dewan
Perniagaan dan
Perindustrian
Tionghua Johor

rakyat di kedua-dua negara tersebut.

Katanya, ramai rakyat Malaysia yang tinggal di sini mempunyai saudara-mara

serta rakan-rakan di Singapura dan adalah tidak berfaedah langsung jika kedua-dua negara berbalah.